



**PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

PENDAFTARAN PENGAWAL DATA

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	2
2.	Latar Belakang	2
3.	Tafsiran	3
4.	Syarat-syarat Pendaftaran Pengawal Data	3
5.	Tatacara Pendaftaran Pengawal Data	4
6.	Notis Pematuhan Pendaftaran	5
7.	Kegagalan Mendaftar Sebagai Pengawal Data dan Memperbaharui Perakuan Pendaftaran	6
8.	Pembatalan	7
9.	Tarikh Kuat Kuasa	7

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan ketetapan, syarat serta tatacara pendaftaran dan pembaharuan perakuan pendaftaran bagi pengawal data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

2. LATAR BELAKANG

- (1) Seksyen 15 Akta 709 memperuntukkan bahawa pengawal data yang tergolong dalam golongan pengawal data yang ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran kepada Pesuruhjaya.
- (2) Golongan pengawal data tersebut ditetapkan melalui:
 - (a) Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336/2013]; dan
 - (b) Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) (Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326/2016].
- (3) Pendaftaran pengawal data merupakan suatu bentuk pematuhan bagi mengesahkan bahawa seseorang itu memproses data peribadi dalam transaksi komersial.
- (4) Keperluan pendaftaran pengawal data adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 337/2013].

3. TAFSIRAN

- (1) Bagi maksud pemakaian pekelling ini :
 - (a) “**pengawal data**” ertinya pengawal data yang tergolong dalam mana-mana golongan pengawal data yang dinyatakan dalam Jadual P.U.(A) 336/2013 dan P.U.(A) 326/2016.
 - (b) “**perakuan pendaftaran**” ertinya suatu bentuk pengesahan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya kepada pengawal data yang telah didaftarkan di bawah Seksyen 16 Akta 709.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN PENGAWAL DATA

- (1) Bagi maksud Seksyen 15 Akta 709, pengawal data hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran sekiranya:
 - (a) Memproses data peribadi dalam transaksi komersial di Malaysia;
 - (b) tergolong dalam mana-mana golongan yang ditetapkan dalam P.U.(A) 336/2013 atau P.U.(A) 326/2016; dan
 - (c) menjalankan perniagaan sebagai milikan tunggal, perkongsian (tidak termasuk perkongsian liabiliti terhad (PLT)), syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad (termasuk syarikat menurut jaminan).
- (2) Setiap permohonan pendaftaran hendaklah disertai dengan fi pendaftaran berdasarkan jenis perniagaan bagi tempoh sah

perakuan pendaftaran antara satu (1) hingga lima (5) tahun seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Perniagaan	Fi (Tahunan)
1.	Milikan Tunggal	RM 100.00
2.	Perkongasian	RM 200.00
3.	Syarikat Sendirian Berhad	RM 300.00
4.	Syarikat Awam Berhad	RM 400.00

5. TATACARA PENDAFTARAN PENGAWAL DATA

- (1) Pengawal data hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran secara dalam talian melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) menerusi pautan <https://daftar.pdp.gov.my/>.
- (2) Sesuatu permohonan pendaftaran hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan rasmi yang dikeluarkan oleh badan kawal selia atau pihak berkuasa yang berkaitan bagi menentusahkan golongan pengawal data serta jenis perniagaan pemohon.
- (3) Pendaftaran pengawal data adalah berdasarkan setiap lesen atau perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh badan kawal selia bagi setiap golongan pengawal data itu kecuali bagi Golongan Perkhidmatan.
- (4) Permohonan yang lengkap akan disemak dan dipertimbangkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja, dan pemakluman mengenai status permohonan tersebut akan dihantar melalui e-mel yang didaftarkan dalam SPDP.

- (5) Suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis utama perniagaan pengawal data.
- (6) Permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran hendaklah dikemukakan melalui SPDP dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat perakuan pendaftaran.
- (7) Fi yang telah dibayar bagi permohonan yang telah diluluskan tidak akan dikembalikan.

6. NOTIS PEMATUHAN PENDAFTARAN

- (1) Pesuruhjaya boleh menyampaikan notis pematuhan pendaftaran kepada pengawal data bagi maksud pendaftaran atau pembaharuan perakuan pendaftaran melalui mana-mana kaedah berikut:
 - (a) menghantar notis melalui pos dalam suatu surat berdaftar Akuat Terima ke alamat kediaman atau tempat perniagaan terakhir yang diketahui;
 - (b) meninggalkan notis di alamat kediaman atau tempat perniagaan terakhir yang diketahui dalam suatu sampul yang ditujukan kepada pengawal data;
 - (c) menyerahkan notis secara serahan tangan kepada pengawal data; atau

- (d) melalui komunikasi elektronik termasuk penghantaran ke alamat e-mel pengawal data yang didaftarkan atau yang terakhir diketahui.
- (2) Notis peringatan pembaharuan boleh disampaikan kepada pengawal data melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai oleh Pesuruhjaya dalam tempoh sembilan puluh (90), enam puluh (60) dan tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh perakuan pendaftaran.

7. KEGAGALAN MENDAFTAR SEBAGAI PENGAWAL DATA ATAU MEMPERBAHARUI PERAKUAN PENDAFTARAN


- (1) Seseorang yang berada dalam golongan pengawal data yang memproses data peribadi tanpa perakuan pendaftaran yang sah daripada Pesuruhjaya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 16(4) Akta 709 dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang pengawal data yang tidak memperbaharui perakuan pendaftaran dan terus memproses data peribadi selepas tamat tempoh perakuan pendaftaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subperaturan 5(2) P.U.(A) 337/2013 dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

8. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bilangan 1 Tahun 2024 adalah dibatalkan.

9. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh 1 Jun 2026.



(SHARIFFAH RASHIDAH BINTI SYED OTHMAN)
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

No. Fail : PDP.(S).100-1/1/3 (5)